



BULETIN INFORMASI PERBADANAN PUTRAJAYA

BULETIN PPj

EDISI BAHARU

• KELUARAN 1 2024



ISI KANDUNGAN



- KEJOHANAN KUDA LASAK PIALA PRESIDEN 2023	3
- HARI TERBUKA PKK 2023 KUKUHKAN INTERAKSI SOSIAL	4
- SUKAN MUAY THAI PIALA PRESIDEN PERBADANAN PUTRAJAYA 2023	5
- PPJ EDAR 10,000 BENDERA WILAYAH PERSEKUTUAN	6
- PPJ LAKAR SEJARAH TERIMA SIJIL ISO	7
- PENTAS PROMOSI ANIMASI TEMPATAN	8
- PPJ BUAT OPERASI KAWAL KERA	9
- LOKASI 'HEALING' DI TENGAN TAMAN	10
- HARI WILAYAH PERSEKUTUAN DISAMBUT DI DATARAN PUTRAJAYA	11
- 644 KENDERAAN DI SEPANJANG 3.35KM	12
- FESTIVAL RAMADAN PUTRAJAYA 2024	13
- FESTIVAL LENTERA : SISIRAN TASIK PUTRAJAYA 2024	16



PERTANYAAN

Sidang redaksi Perbadanan Putrajaya mengalu-alukan komen, ulasan dan sumbangan dari semua pembaca

Email pertanyaan hendaklah ditujukan kepada :

ppjonline@ppj.gov.my



Buletin PPj,
Seksyen Portal & Multimedia
Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi,
Jabatan Perkhidmatan Korporat,
Perbadanan Putrajaya,
24, Persiaran Perdana,
Presint 3, 62675 Putrajaya.

my
PUTRAJAYA



Untuk maklumat lanjut, sila layari:



www.ppj.gov.my



[Facebook/putrajaya](#)



[Twitter@putrajayacorp](#)



[Youtube/perbadananputrajaya](#)



[Instagram/perbadananputrajaya](#)

Kejohanan Kuda Lasak Piala Presiden PPj 2023



Seramai 122 orang peserta dari seluruh negara telah menyertai dalam Kejohanan Kuda Lasak Piala Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj) 2023 edisi kali ke-4 yang berlangsung di Padang Semarak, Taman Wetland, Putrajaya.

Persatuan Ekuestrian Malaysia turut mengiktiraf kejohanan ini sebagai penyertaan terbanyak diterima dalam satu-satu kejohanan berkuda di Lembah Klang, sekali gus membuktikan kejayaan PPj dalam penganjuran sukan kuda lasak di negara ini selain berjaya membantu melonjakkan lagi industri ekuestrian.

Lebih daripada 90 penyertaan dari seluruh negara telah diterima bagi kejohanan ini yang mana kesemua peserta perlu melalui pengujian kemahiran, mental serta ketahanan kuda masing-masing di trek lasak sepanjang 40 kilometer mengelilingi Wetland Putrajaya.

Lumba kuda lasak merupakan sukan lumba jarak jauh terkawal yang menguji ketahanan kuda untuk sampai ke penamat yang diiktiraf oleh Federation Equestre Internationale (FEI). Kuda yang layak menyertai hendaklah melepas pemeriksaan doktor veterinar sebelum dibenarkan meneruskan tunggangan serta perlu melepas pemeriksaan akhir selepas menghabiskan jarak acara. Antara yang dinilai ialah kadar degupan jantung 64bpm, kelajuan menunggang minimum 8km/jam dan maksimum 16km/jam serta faktor-faktor lain yang mana ia turut menguji

menunggang untuk membantu memastikan kuda dapat menamatkan perlumbaan dengan jayanya.

Trek kuda lasak Taman Wetland Putrajaya merupakan trek yang menjanjikan keselesaan serta kepuasan menunggang kerana mempunyai permukaan trek yang kebanyakannya rata, luas dan bebas daripada keadaan yang boleh mendatangkan bahaya kepada kuda. Trek ini juga turut memaparkan pemandangan dan keindahan Wetland Putrajaya di sepanjang laluan.

Dalam masa yang sama kejohanan ini dilaksanakan bertujuan untuk mempromosikan Putrajaya sebagai salah satu pusat pelancongan dan lokasi sukan berkuda antarabangsa iaitu di Taman Wetland Putrajaya dan Taman Ekuestrian Putrajaya. Kejohanan ini juga dapat mengeratkan hubungan kerjasama di antara Pasukan Berkuda Agensi Kerajaan yang terdapat di Malaysia seperti Pasukan Berkuda Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan kelab-kelab kuda swasta mahupun persendirian.

Dalam kejohanan ini, johan telah disandang oleh M Khusyazzrien M Salleh (PPj) yang membawa pulang wang tunai RM1,500 berserta piala, diikuti Asisten Komisioner Rosli Md Yusof (PDRM) bagi naib johan yang menerima RM1,000 dan tempat ketiga pula dimenangi oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain dengan hadiah wang tunai RM700. Untuk tempat ke-4 hingga ke-10 menerima hadiah wang tunai RM200. PPj juga turut menyediakan lebih daripada 30 hadiah cabutan bertuah kepada para peserta.



Hari Terbuka PPK 2023 Kukuhkan Interaksi Sosial

Sambutan ulang tahun ke-17 Hari Terbuka Pusat Pembelajaran Kejiranan (PPK) 2023 yang diadakan di Kompleks Kejiranan Presint 11, Putrajaya berlangsung meriah dengan pelbagai pengisian dan aktiviti menarik untuk seisi keluarga.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Dato'TPr Fadlun bin Mak Ujud, pelbagai aktiviti menarik telah disusun sebagai pengisian program yang terbuka kepada semua peringkat umur, melibatkan penglibatan golongan warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU).

Antaranya adalah Putrajaya Book Fun Run, Pertandingan Karom, Dam Aji, Catur (OKU, warga emas dan terbuka), Pertandingan Melukis, Mewarna & Doodle, Pertandingan Mereka Bentuk Blok, Program iRead, Art & Craft, Bengkel Penulisan Artikel, Game Development Fundamental Clinic (Bengkel Asas Pembinaan Game), Kaunter Khidmat Pelanggan, Ekspos Jualan Buku & Pameran, Inflatable Wall Climbing, Persembahan Silat dan Drum Circle, Teka Muka Surat Buku dan sebagainya.

Hari Terbuka PPK ini terbuka kepada semua peringkat umur dan penglibatan semua golongan dengan penganjuran program dan pertandingan khas untuk golongan OKU dan warga emas.

Pengisian program pada tahun ini juga turut mendapat sokongan daripada PUSPANITA Cawangan Perbadanan Putrajaya dengan

panjanjuran dua program iaitu Bengkel Transformasi Penampilan Dalam Pembentukan Imej Profesional dan PPK Kids Explorace 2023.

Program tahunan ini diadakan bagi mengukuhkan interaksi sosial dan hubungan baik di antara pihak PPK dan komuniti Putrajaya dengan berkonsepkan mesra pelanggan.

Program seperti ini dapat memperkenalkan kemudahan yang disediakan dan mempromosikan lagi PPK bagi menarik lebih ramai komuniti menjadi ahli dengan pengisian program serta pertandingan berbentuk pendidikan.

Kepada yang berminat untuk menjadi ahli, keahlian PPK dibuka kepada semua warga Putrajaya dan penduduk dari kawasan sekitar Bangi, Kajang, Dengkil, Serdang dan Puchong yang merupakan warganegara Malaysia.

Terdapat tujuh kategori ahli iaitu dewasa, remaja, kanak-kanak, OKU dewasa, OKU remaja, OKU kanak-kanak dan warga emas. Untuk bayaran yuran keahlian pula adalah secara tahunan dan mengikut kategori ahli. Permohonan keahlian hendaklah dibuat di kaunter perkhidmatan PPK dengan mengisi borang keahlian yang disediakan.

PPK mempunyai empat cawangan iaitu di Presint 8, 9, 11 dan 16. Waktu perkhidmatan juga telah dipanjangkan iaitu dari pukul 10 pagi sehingga pukul 9 malam di atas permintaan pengguna.

Sukan Muay Thai Piala Presiden Perbadanan Putrajaya 2023



Kejohanan Seni Mempertahankan Diri Piala Presiden Perbadanan Putrajaya 2023 yang berlangsung di Gelanggang Mokhtar Dahari, Kompleks Futsal Presint 18, dilihat mampu menjadi penanda aras kepada penganjuran acara sukan Muay Thai berskala besar di negara ini.

Penganjuran kejohanan pada kali ini berjaya menarik penyertaan 100 orang petinju berusia dalam lingkungan lapan hingga 45 tahun dari seluruh negara yang bertanding dalam dua acara iaitu Muay Thai Sport dan Muay Thai Profesional.

Penganjuran kejohanan dengan kerjasama Persatuan Muay Wilayah Persekutuan Putrajaya dan disokong oleh Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) serta Persatuan Muaythai Malaysia ini dilihat mampu menjadi platform untuk membakar semangat anak-anak muda bagi menceburi bidang sukan berkenaan pada suatu hari nanti.

Sukan Muay Thai mempunyai peminat yang ramai di negara ini dan mampu untuk menarik golongan muda untuk menyertainya sekali gus dapat mencungkil bakat lebih ramai lagi petinju tempatan yang berbakat.

Kejohanan Seni Mempertahankan Diri (Muay Thai) Piala Presiden PPj yang julung kali diadakan pada tahun 2022 menjadi pemangkin kepada penganjuran yang sama pada tahun ini.

Muay Thai juga merupakan antara seni mempertahankan diri yang dipilih oleh Penguat Kuasa PPj sebagai salah satu rutin latihan kecergasan kerana ia memberikan

kelebihan daripada sudut kecergasan dan kesihatan kepada anggota penguat kuasa. Muay Thai merupakan satu bentuk seni mempertahankan diri yang unik serta sesuai untuk semua golongan sama ada lelaki, wanita maupun kanak-kanak kerana ia boleh dijadikan sebagai hobi dan gaya hidup yang sihat.

Terdahulu, perlawanan dimulakan dengan 80 orang petinju amatur di dalam acara Muay Thai Sport di mana juara menerima hadiah berupa medal serta sijil penyertaan manakala pada sebelah malam sebanyak 20 orang petinju Muay Thai Profesional bertarung bagi merebut gelaran juara.

Beberapa acara selingan aliran seni bela diri juga turut dipertontonkan antaranya acara Demonstrasi Seni Bela Diri Silambam, Demonstrasi Seni Bela Diri Taekwondo (WTF), Demonstrasi SMD Penguat Kuasa Perbadanan Putrajaya dan Demonstrasi Seni Bela Diri Silat Parang.

Dalam kejohanan itu, juara telah disandang oleh Mohamad Shahrul Hakim Rosli manakala Asuad Khalid menjadi naib juara. Juara berjaya membawa pulang wang tunai dan tali pinggang gelaran manakala naib juara menerima piala dan wang tunai.



PPj Edar 10,000 Bendera Wilayah Persekutuan



Perbadanan Putrajaya (PPj) mengedarkan 10,000 helai bendera Wilayah Persekutuan (WP) bagi menyemarakkan lagi Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) yang ke-50 tahun pada 1 Februari 2024. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Presiden PPj, Dato' TPr Fadlun bin Mak Ujud bertempat di Padang Kompleks Kejiranan Presint 9, Putrajaya.

Menurut Presiden PPj, majlis tersebut adalah simbolik bermulanya Kempen Kibar Bendera Hari Wilayah di Putrajaya melalui sesi penyerahan bendera kepada semua pengurus zon dan sub zon Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Putrajaya selaku ketua komuniti di Putrajaya.

Sebagai gimik pelancaran, kesemua penerima telah menerima bendera Wilayah yang siap sedia untuk dikibarkan oleh Unit Berkuda, Penguat Kuasa PPj. Edaran bendera juga telah diserahkan kepada 60 pihak Persatuan Penduduk, 54 kawasan Rukun Tetangga dan 27 buah sekolah di Wilayah Persekutuan.

Dalam masa sama, bersempena dengan 50 tahun menelusuri kemajuan dan kemakmuran Wilayah Persekutuan, pihak PPj akan sentiasa berusaha memperkasakan sifat kebersamaan antara komuniti setempat dalam penganjuran

Kempen Kibaran Bendera Wilayah Persekutuan sempena SHWP 2024 agar cerminan kemajmukan Wilayah Persekutuan dapat dirasai bersama.

Majlis tersebut turut dimeriahkan dengan Program Langkah Ceria Komuniti Putrajaya (Edisi Penyerahan Bendera Wilayah Persekutuan), Jualan Murah My Grocer@ Putrajaya, pelbagai cabutan bertuah serta acara-acara sampingan yang lain.





PPj Lakar Sejarah Terima Sijil ISO

Kerja keras warga kerja Perbadanan Putrajaya (PPj) merupakan faktor utama kejayaan pihak berkuasa tempatan (PBT) ini memperolehi pelbagai pencapaian membanggakan dalam tempoh beberapa tahun ini.

PPj sekali lagi melakar nama apabila menerima Sijil Penghargaan Pencapaian Pensijilan bagi Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/EC 27001:2013 sempena Majlis SIRIM Industri 2023 peringkat kebangsaan baru-baru ini.

Menurut Presiden PPj, Dato' TPr Fadlun bin Mak Ujud, penganugerahan tersebut adalah bukti komitmen PBT ini menuju ke arah tahap integriti tertinggi dan budaya beretika dalam operasi pentadbirannya.

Pensijilan ISMS MS ISO/EC 27001:2013 merupakan satu piawaian antarabangsa yang perlu dipatuhi dalam usaha PPj untuk menguruskan dan melindungi maklumat sensitif organisasi. Di dalam pensijilan ini, PPj telah berjaya mematuhi kesemua 10 klausa dan 114 kawalan sebagaimana yang digariskan di dalam keperluan standard pensijilan.

Dalam masa sama, objektif pensijilan tersebut adalah untuk mengurus dan melindungi keselamatan maklumat bagi Sistem Kewangan Dan Perakaunan Perbadanan Putrajaya selaras dengan keperluan dan kehendak pemegang taruh (stakeholders). Ia juga menekankan kepada konsep atau prinsip keselamatan maklumat iaitu pemeliharaan terhadap kerahsiaan, integriti dan kebolehsediaan maklumat agar dapat dicapai dengan lebih selamat dan terjamin.

Langkah ini bagi memastikan maklumat

yang sensitif dilindungi secukupnya daripada akses atau kecurian tanpa kebenaran sekali gus membolehkan PPj memacu kemajuan teknologi negara yang selanjutnya.

Pensijilan ini juga mencerminkan komitmen teguh terhadap keselamatan maklumat yang penting kepada PPj untuk menawarkan penyelesaian teknologi bertaraf dunia kepada pelanggan dengan keyakinan terhadap keselamatan dan privasi data mereka.

Selain itu, bagi memantapkan lagi operasi, pasukan Jawatankuasa Kerja ISMS telah ditubuhkan terdiri daripada pelbagai peringkat personel yang berpengalaman dalam membantu melaksanakan pengurusan ISMS, mengenal pasti, menilai serta menguruskan risiko berkaitan keselamatan maklumat sekali gus memastikan organisasi bersedia sepenuhnya dalam apa jua keadaan.

Pihak PPj sentiasa komited dalam meluaskan skop pensijilan dengan sasaran seterusnya iaitu untuk mendapatkan pensijilan versi terbaharu ISMS iaitu pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat ISO 27001:2022 pada tahun 2024.

Dengan pensijilan yang diterima ini, PPj akan terus komited terhadap keselamatan maklumat, sebagai aspek penting dalam memacu gerak kerja selaras dengan pertumbuhan dan perubahan teknologi semasa. Semoga kejayaan ini akan menjadi pemangkin dan pembakar semangat kepada seluruh warga Perbadanan Putrajaya khususnya untuk terus melakar kejayaan yang cemerlang pada masa hadapan.



Pentas Promosi Animasi Tempatan

Menyatakan kepuasan dan rasa bangga, Menteri Wilayah Persekutuan, Dr Zaliha Mustafa menggalakkan acara seperti festival kanak-kanak, Kids Fest 2024 untuk terus diadakan sebagai acara tahunan bagi mempromosikan industri animasi tempatan di samping memperkenalkan Wilayah Persekutuan Putrajaya sebagai lokasi pelancongan berkelas dunia. Beliau juga yakin acara ini mampu berkembang sehingga ke peringkat Asia Tenggara.

Tahniah atas inisiatif KRU Arena dan Universal Music Malaysia dalam mempromosikan alam sekitar menerusi kandungan kreatif dan animasi. Kejayaan ini mencerminkan usaha pengkarya animasi tempatan untuk membawa animasi tempatan ke peringkat global. Ia sekali gus menjadikan Wilayah Persekutuan Putrajaya sebagai hub animasi Malaysia dan lokasi pelancongan berkelas dunia di samping mempromosikan industri animasi tempatan.

Pasaran animasi tempatan sedang berkembang pesat dan kejayaan animasi tempatan membuktikan bahawa animasi tempatan bukan sahaja setanding, malah mampu menyaingi animasi dari luar negara. Sebagai contoh animasi Mechamato mencipta sejarah sebagai animasi pertama luar Jepun yang mencipta nama, baru-baru ini. Filem Upin Ipin: Keris Siamang Tunggal juga berjaya merangkul anugerah di Kanada.

Menurut Pengarah Kids Fest 2024 Datuk Norman Abdul Halim, acara ini bukan sekadar hiburan buat kanak-kanak semata-mata tetapi mempromosikan aktiviti pemuliharaan alam sekitar. Penganjuran Kids Fest 2024 bukan sahaja untuk hiburan semata-mata, tetapi juga bertujuan menimbulkan kesedaran mengenai pemuliharaan alam sekitar dan rasa sayang terhadap haiwan.

Kids Fest 2024 berlangsung selama dua hari bermula hari ini dari jam 10 pagi hingga 6 petang bertempat di Padang Semarak, Taman Wetland Putrajaya. Pengunjung turut dihiburkan dengan kehadiran maskot animasi diantaranya Zan Orangutan, Anna dan Hanna dan banyak lagi.





PPj Buat Operasi Kawal Kera

Jabatan Landskap dan Taman, Perbadanan Putrajaya (PPj) dengan kerjasama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) sudah menjalankan operasi kawalan konflik kera di kawasan kuarters penjawat awam di Presint 15 bagi menangani masalah berkenaan.

Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat PPj, Norzita Abdul Razak berkata, antara tindakan yang sudah diambil adalah memasang perangkap bersaiz besar dan operasi tembak halau koloni haiwan tersebut yang diadakan secara kerjasama dengan Perhilitan.

PPj juga mengadakan khidmat nasihat kepada pengurusan fasiliti kuarters berkaitan langkah yang perlu diambil dalam meminimumkan impak konflik haiwan liar tersebut. Selain itu, PPj sentiasa menjalankan operasi kawalan konflik di seluruh pusat pentadbiran kerajaan persekutuan bagi memastikan keselamatan penduduk.

Sebelum ini penduduk di kuarters penjawat awam Presint 15, mendakwa gangguan kera telah mengganggu kehidupan mereka

kerana ia bukan hanya menyelongkar tong sampah, tetapi merosakkan kenderaan dan dibimbangi bertindak ganas terhadap kanak-kanak. Mereka mendakwa telah berhadapan gangguan kera sejak tinggal di kuarters tersebut, namun situasi semakin buruk sejak kebelakangan ini hingga merisaukan penduduk.

Seperti diketahui, sejarah awal Putrajaya adalah kawasan ladang sawit dan getah Perang Besar yang dihuni pelbagai binatang. Selepas dibangunkan sebagai pusat pentadbiran kerajaan persekutuan, hidupan liar di sini kehilangan habitat dan berlaku konflik antara manusia dan haiwan.

Bermula 2018 hingga 2023, PPj menerima 109 aduan konflik hidupan liar membabitkan kera (45), babi hutan (9), lebah dan tebuan (36) dan lain-lain (19). Sebagai rekod PPj dengan kerjasama Perhilitan juga telah berjaya menangkap dan melupuskan 80 babi hutan dan menangkap 124 ekor kera untuk, dipindahkan ke habitat lain.



Lokasi 'Healing' Di Tengah Taman

Ingin mencari lokasi 'healing' tersembunyi di Putrajaya? Disarankan untuk meluangkan masa ke Gua Juicery yang terletak di tengah-tengah Taman Botani yang terletak di Presint 1 Putrajaya. Mempunyai reka bentuk seakan gua menjadikannya tumpuan pelancong luar dan dalam negara sejak ia mula dibuka pada Disember 2023.

Menurut pemiliknya, Mohd Iqbal Kamaruddin, 34, pada asalnya ia adalah sebuah rain shelter buat pengunjung yang melakukan aktiviti riadah di kawasan tersebut di mana ia telah wujud lebih 10 tahun yang lalu. Atas inisiatif Perbadanan Putrajaya (PPj) yang mahu tempat ini menjadi tarikan pengunjung maka wujudnya Gua Juicery yang mana struktur asal tersebut diberi sedikit penambahbaikan.

Memandangkan Gua Juicery terletak di tengah-tengah Taman Botani, maka mereka mengetengahkan segala elemen yang terdapat di taman tersebut di dalam menu. Seperti yang diketahui, Taman Botani terdapat seksyen edible garden seperti buah-buahan dan ulam-ulaman, jadi keunikan tersebut ditonjolkan melalui makanan dan minuman. Secara tidak langsung makanan sihat disajikan kepada pelanggan.

Antara menu yang paling laris di sini adalah jus mangopine manakala untuk smoothies adalah dragon berries. Untuk makanan pula pelanggan memilih panini rasa Malaysia selain kayaria bagels dan pinana butter untuk manisan.

Panini rasa Malaysia adalah keunikan makanan Gua Juicery di mana salad diganti dengan ulam-ulaman dan untuk rasa pedas kuah masak lemak digunakan.

Untuk minuman harga bermula serendah RM7 manakala untuk makanan serendah RM8 tetapi ia berbeza berdasarkan menu pilihan. Gua Juicery mampu menempatkan 45 pelanggan dalam satu-satu masa.



Hari Wilayah Persekutuan 2024 Disambut Di Dataran Putrajaya



Hari Wilayah Persekutuan 2024 (HWP 2024) disambut di Dataran Putrajaya, bersekali dengan program Hari Terbuka Putrajaya 2024 (POD 2024) bermula dari 01 Februari 2024 hingga 04 Februari 2024.

Program tersebut merupakan inisiatif Perbadanan Putrajaya (PPj) dengan kerjasama Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) untuk menghimpunkan perkhidmatan kerajaan dalam satu acara bagi memudahkan orang ramai mendapatkan perkhidmatan yang mereka ingini di satu tempat.

Program itu yang memasuki tahun ketiga adalah antara pengisian utama bagi sambutan HWP 2024 dan penubuhan 50 tahun Wilayah Persekutuan serta Ulang Tahun PPj ke-28.

POD 2024 menyediakan sistem penyampaian perkhidmatan bukan sahaja daripada PPj malah kesemua kementerian, agensi awam, perbankan, syarikat telekomunikasi, harta tanah dan lain-lain lagi di bawah satu bumbung bagi memudahkan orang ramai mendapatkan perkhidmatan yang diinginkan.

Selain itu, pelbagai acara sampingan yang menarik turut diatur bersempena kedua-dua sambutan ini. Sebanyak 61 program telah disusun sempena sambutan HWP 2024 di bawah enam teras iaitu Teras Pengiktirafan, Teras Ilmiah dan Pendidikan, Teras Usahawan, Teras Kemasyarakatan, Teras Seni dan Budaya dan Teras Sukan.

HWP 2024 bertemakan 'Wilayah MADANI, Rakyat Harmoni' turut memberikan fokus kepada program kesejahteraan dan kebajikan kepada golongan B40 dan miskin di Kuala Lumpur, Putrajaya serta Labuan.

Sambutan HWP 2024 dan pelaksanaan

program 50 Tahun Wilayah Persekutuan adalah berkonsepkan mesra rakyat dan melibatkan penyertaan daripada pelbagai kaum dan lapisan masyarakat.

Selain itu, program 50 Tahun Wilayah Persekutuan juga akan berlangsung hingga Disember 2024 di mana mempunyai pelbagai pengisian bersifat komuniti. Antara program yang dijalankan ialah Wacana Ilmu Malaysia MADANI 50WP, Sahabat 50WP, Paint by Numbers Canvas WP, Gemuruh 50WP, Wilayah Persekutuan Berselawat, Sambutan HWP 2024, Jualan Rakyat MrGrocer@Wilayah, Sarapan Sihat@WP, Sweating Sport@WP dan Selera@WP serta program bersempena bulan Ramadan dan Aidilfitri dengan dua daripadanya telah dilaksanakan pada Oktober 2023 iaitu Pasport 50WP dan Suara@WP.

Terdapat juga program lain seperti Program Pencahayaan WP (FT Light It Up!), Light and Motion Putrajaya 2024 (LAMPU), Majlis Bacaan Yassin dan Doa Selamat Khas sempena Sambutan HWP 2024 dan 50 Tahun Wilayah Persekutuan, Borneo Art Festival 2024 serta Mini Festival Makanan dan Kesenian Kampung Baru.

Hari Wilayah Persekutuan disambut pada 1 Feb setiap tahun bagi memperingati pengisytiharan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan dan tahun ini merupakan sambutan kali ke-20 sejak diperkenalkan pada 2004.

Kuala Lumpur diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan pada 1974 manakala Labuan pada 1984 dan Putrajaya pada 2001.



644 Kenderaan Di Sepanjang 3.35 KM



Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) berjaya mencipta sejarah dalam The Malaysia Book of Records (MBOR) menerusi Program Susunan Terpanjang Kenderaan@50WP dengan penglibatan 644 buah kenderaan sepanjang 3.35 kilometer.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Dato, TPr Fadlun bin Mak Ujud, susunan terpanjang kenderaan dengan bendera Wilayah Persekutuan di jajaran jalan Presint 2, 3 dan 4 itu bermula dari persimpangan Kementerian Kewangan dan berakhir di Lingkaran Gemilang, Putrajaya.

Acara yang diadakan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2024 itu membabitkan kenderaan persendirian, kenderaan persatuan, kenderaan milik kerajaan dan swasta termasuk motosikal, sedan, supercar dan motorhome. Kenderaan yang terlibat mengibarkan bendera Wilayah Persekutuan sebagai melahirkan rasa bangga selain mengekspresikan rasa cinta dan sayang terhadap Wilayah Persekutuan.

Dalam masa sama, kehadiran pengunjung ke Putrajaya Open Day (POD) 2024 berjaya mencapai 200,000 individu melebihi sasaran awal iaitu seramai 50,000. Sambutan yang sangat menggalakkan dari pengunjung

terutama bagi mereka yang ingin mencuba Transit Aliran Automasi (ART) yang diperkenalkan di Putrajaya bermula pada 1 Februari 2024.

Selain itu, kerjasama erat antara agensi kerajaan, swasta dan komuniti Wilayah Persekutuan dalam mencapai misi mencipta rekod di peringkat negara melambangkan kejayaan dan kecemerlangan. Dalam masa yang sama, ia juga dapat memupuk semangat kekitaan dalam kalangan warga Wilayah Persekutuan dan perpaduan sejagat. Ia bertepatan dengan aspirasi Malaysia MADANI yang mencerminkan nilai Ihsan melalui keadilan sosial dan kesinambungan usaha dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat serta menonjolkan kepekaan terhadap keperluan masyarakat.





Festival Lentera : Sisiran Tasik Putrajaya 2024

Light & Motion Putrajaya yang juga disebut sebagai Lampu Putrajaya telah menjadi acara tahunan sejak tujuh tahun lalu dan menjadi kemuncak kalender acara Putrajaya.

Pada tahun ini, buat julung-julung kalinya, Perbadanan Putrajaya (PPj) telah menganjurkan sebuah festival pencahayaan edisi khas yang dinamakan FESTIVAL LENTERA : Sisiran Tasik Putrajaya 2024. Festival ini dianjurkan bersempena dengan sambutan bulan Hari Wilayah Persekutuan 2024 dan Ulang Tahun Penubuhan Perbadanan Putrajaya yang ke-28 iaitu pada 1 Mac setiap tahun.

Keunikan dan identiti festival ini adalah merupakan pertunjukan pencahayaan 'Grand Light Symphony' dan 'Musical Fountain' di Tasik Putrajaya serta Jambatan Monorel sebagai elemen utama dan mega. Terdapat juga dekorasi pencahayaan di atas air di samping pertunjukan bot-bot berhias bercahaya yang menambahkan lagi impak keindahan pencahayaan perkarangan pesisiran tasik Putrajaya.

Selain itu, terdapat juga aktiviti yang menyeronokkan dengan bangunan bercahaya, pokok bercahaya berwarna-warni, muzik secara langsung, gerai, trak makanan, pameran hologram, pertunjukan wayang kulit, beca (kenderaan berkuasa pedal bernyala LED), seni jalanan, pameran kawalan radio, zumba dan banyak lagi.

Festival Lentera Sisiran Tasik Putrajaya bermula pada 24 Februari 2024 sehingga 3 Mac 2024 dan berlangsung buat pertama kalinya di Anjung Floria, Presint 4 Putrajaya.

Pengunjung dikenakan tiket untuk masuk ke Festival ini dimana tiket masuk boleh dibeli secara dalam talian di laman sesawang <https://event.pulsegroup.com.my> dengan kadar harga :

Warganegara Malaysia

Dewasa (13 tahun ke atas) = RM10

Kanak-kanak (7-12 tahun) & warga emas = RM5

Kanak-kanak di bawah 6 tahun & OKU =


Percuma

Pelancong Warga Asing

Dewasa (13 tahun ke atas) = RM30

Kanak-kanak (4-12 tahun) = RM15

Perkhidmatan bas perantara secara percuma turut disediakan kepada pengunjung dari stesen MRT Putrajaya dan terus ke Anjung Floria. Dengan kekerapan 30 minit sekali, shuttle bas di stesen MRT Putrajaya bermula dari jam 4.30 petang sehingga 10.00 malam. Manakala shuttle bas di Anjung Floria adalah bermula dari jam 5.00 petang sehingga 11.00 malam.



228 Peserta Tempuh Cabaran PLW Explorace 2024



Seramai 228 orang peserta telah hadir memeriahkan acara Putrajaya Lake and Wetland (PLW) Explorace 2024 bertempat di Padang Semarak, Taman Wetland, Presint 13, Putrajaya pada 2 Mac 2024. Mereka berentap dalam dua kategori yang dipertandingkan iaitu kategori terbuka dan kategori Institut Pengajian Tinggi (IPT) bagi merebut gelaran Lake Warrior 2024.

Peserta perlu melalui perjalanan sejauh 16 kilometer (km), meliputi kawasan seluas 170 hektar dan perlu melaksanakan 12 tugas bagi melengkapkan cabaran termasuklah aktiviti lake crossing di Central Wetland dan cabaran ‘fear factor’ yang bermula seawal jam 7 pagi sehingga jam 5 petang.

Bagi PLW kategori terbuka edisi ke-11 ini, takhta Lake Warrior 2024 berjaya menjadi milik Pasukan GKL Warrior. Dengan gandingan dari Azam Mohd Shidid dan Wan Muhammad Razuan Rafeeq yang mengambil masa selama 2 jam 20 minit untuk menamatkan cabaran PLW sekali gus membuatkan mereka menerima Anugerah Pasukan Terbaik Lelaki. Tempat kedua pula disandang oleh Pasukan HYGO dan tempat ketiga dimenangi oleh pasukan ME & MIE.

Bagi kategori IPT, dua pasukan daripada Politeknik Port Dickson berada di podium apabila berjaya merangkul gelaran Lake Warrior 2024 dan tempat kedua. Bagi tempat ketiga pula dimenangi oleh Pasukan SIMBA yang merupakan gandingan pelajar UiTM Shah Alam.

Bagi setiap kategori, pemenang tempat pertama akan dianugerahkan gelaran Lake Warrior 2024 dan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM3,000 manakala tempat

kedua mendapat RM2,000, tempat ketiga menerima RM1,000 dan RM200 untuk tempat keempat sehingga ke-20 yang mana masing-masing membawa pulang sijil dan medal.

Peserta turut berpeluang memenangi 50 hadiah cabutan bertuah yang disediakan oleh pihak pengajur yang terdiri daripada pelbagai kelengkapan aktiviti outdoor. Cabutan bonanza utama iaitu Mountain Bike telah dimenangi oleh peserta kategori terbuka, Mohammad Faris Mohd Noor Azmi.





PPj Perkenal Pas Bulanan Tanpa Had

Perbadanan Putrajaya (PPj) telah memperkenalkan inisiatif kad Nadi30 dan Nadi10 yang merupakan pas bulanan perjalanan tanpa had untuk pengguna perkhidmatan bas Nadiputra di sekitar Putrajaya.

Pengenalan dua kad yang dilancarkan ini merupakan inisiatif pihak PPj untuk menggalakkan orang awam menggunakan perkhidmatan bas Nadiputra sebagai pilihan pengangkutan awam di Putrajaya.

Kad Nadi30 adalah bernilai sebanyak RM30 sebulan yang mana dikhuisuskan kepada semua pengguna kecuali warga emas, Orang Kurang Upaya (OKU) dan pelajar sekolah. Manakala untuk kad Nadi10 pula bernilai hanya RM10 sebulan dan dibahagikan kepada tiga kategori iaitu warga emas, OKU serta pelajar sekolah menengah dan rendah.

Pengenalan kad ini adalah satu daripada inisiatif di bawah Putrajaya Model Bandar Rendah Karbon 2030 yang mana ia bertujuan untuk mengurangkan pelepasan karbon daripada kenderaan awam khususnya kenderaan persendirian.

Dalam masa yang sama pas bulanan ini turut memberi jaminan penjimatan perbelanjaan tambang secara bulanan khususnya kepada pengguna tetap perkhidmatan bas Nadiputra. Seterusnya, ia juga dilaksanakan bagi memberi peluang

kepada orang awam untuk berurus dan bersiar-siar di sekitar Putrajaya dengan tambang tanpa had.

Menurut Presiden PPj, Dato'TPr Fadlun bin Mak Ujud untuk maklumat lanjut dan permohonan kad tersebut boleh dibuat secara dalam talian melalui portal www.ppj.gov.my. Setiap individu hanya boleh memiliki satu kad dan kad yang dimohon akan dihantar ke alamat seperti yang tertera di borang permohonan.

Kad tersebut yang hanya dikhuisuskan untuk warganegara dijangka boleh mula digunakan pertengahan bulan Mac 2024 selari dengan pembukaan sekolah penggal baharu.



Festival Ramadan 2024



Hampir 1,000 peniaga berkampung mencari rezeki di pusat pentadbiran kerajaan persekutuan Putrajaya membabitkan lima lokasi bazar Ramadan dan satu bazar mega Aidilfitri sempena Festival Ramadan Putrajaya 2024 (FRP 2024).

Penganjuran FRP2024 yang bertemakan Seindah Ramadan, Harmoni Lebaran ini melibatkan lima komponen utama iaitu Bazar Ramadan, Anjung Syawal, Kiblat Walk, Laman Iftar serta Food Truck dengan lokasi terlibat di Dataran Putrajaya Presint 3, Kompleks PPj dan lima lokasi bazar Ramadan di Presint 3, Presint 9, Presint 11, Presint 14 dan Presint 16.

Objektif utama FRP dilaksanakan bertujuan untuk menjadikan Putrajaya sebagai pusat sehenti yang memudahkan pengunjung untuk mendapatkan pelbagai keperluan seperti juadah berbuka puasa termasuk barang persiapan untuk menyambut hari raya selain dilihat dapat mengeratkan hubungan sesama keluarga dan masyarakat.

Menyediakan 700 lot niaga, Bazar Ramadan Putrajaya terus menjadi tumpuan bagi warga kota mencari pelbagai juadah enak untuk berbuka puasa seperti nasi Arab, makanan laut bakar, yong tau foo, nasi ambeng, martabak, aneka kuih-muih, roti john serta bermacam pilihan air buat para pengunjung. Bazar Ramadan bermula dari 12 Mac 2024 hingga 9 April 2024.

Selain itu, PPj turut menyediakan Jualan Bazar Aidilfitri dengan lebih 250 peniaga selama 30 hari Ramadan dan empat hari jualan sebelum Ramadan yang bermula dari 8 Mac 2024 hingga 9 April 2024.

Dalam masa sama, pelbagai pengisian aktiviti kerohanian seperti ceramah agama, tazkirah, nasyid dan lain-lain di Pentas Utama Festival turut disediakan pada setiap hari di bulan Ramadan.

FRP2024 turut bekerjasama bersama platform gergasi media sosial, TikTok yang disediakan di FRP 2024. Menerusi jalinan kerjasama ini, diyakini mampu mengembalikan kuasa beli orang ramai terutama dengan inisiatif yang dilakukan oleh kerajaan sebelum ini.

Usahawan terbabit boleh menggunakan tagline #kongsibersama dan #festivalramadanputrajaya bagi membuat promosi produk masing-masing bersama pempengaruh.

